

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status LPT 2 sekarang setelah diberi pengesahan pada sesi Parlimen awal tahun 2014 ianya akan siap sepenuhnya pada September 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2014 kemajuan fizikal keseluruhan projek Lebuhraya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2) di Terengganu ialah 97%.

Pada masa kini 130km dari 184km (70%) daripada jarak keseluruhan LPT2 telah siap dan dibuka kepada pengguna, iaitu melibatkan jajaran dari Persimpangan Jabor – Cheneh dan dari Persimpangan Paka – Bukit Besi – Kuala Terengganu.

Pembukaan baki jajaran LPT2, iaitu melibatkan jajaran dari Persimpangan Cheneh – Paka yang dijadualkan siap pada bulan September 2014 terpaksa ditangguhkan kepada bulan Disember 2014. Ini disebabkan kegagalan pihak kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan yang melibatkan Pakej 3, 6 dan 7 mengikut tempoh kontrak semasa yang ditetapkan.

Sehubungan itu dijangkakan keseluruhan jajaran LPT2 akan siap dan dibuka sepenuhnya pada akhir tahun 2014.

Sekian, terima kasih.